

**PENGAJARAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB  
DALAM KALANGAN GURU J-QAF SEKOLAH  
KEBANGSAAN**

[1] Kamarulzaman Abdul Ghani  
[2] Saiful Nizam Sulaiman

**ABSTRACT**

Speaking skills in the second language is to be taught, trained and sharpened systematically so that students can master the skill. Through previous studies it was found that Arabic language teacher lack of effective and organized lesson plan and do not apply systematic teaching and learning procedures during classes. The purpose of this study is to explore j-QAF Arabic language teachers' knowledge of teaching speaking methods and their practice in teaching and learning of Arabic speaking. This study studied 113 j-QAF Arabic teachers in Malacca through a questionnaire. This study used quantitative method for collecting data. Quantitative data were analyzed through the analysis of SPSS 18 using min, standard deviation, frequency and percentage. This study also used inference analysis spearman correlation coefficients for the relationship of knowledge and practice of speaking teaching method among j-QAF Arabic teachers. The results of this study showed that the level of j-QAF teachers' knowledge about methods of teaching speaking skills were at moderately high level. Similarly, the finding of the implimentation of teaching speaking skillsof j-QAF teachers are at moderately high level too. This study also find the poor significant relationship between knowledge and implimentationof teaching speaking skills method. This study concluded that to ensure the success of the Arabic Language Speaking teaching and learning in Primary School, teachers must constantly renew their knowledge of teaching methods of speaking skills and their teaching methods must always vary according to level and ability of pupils. Arabic j-QAF teachers should take the initiative to use their creativity and knowledge to innovate on methods of teaching oral skills to make it more interesting and effective to the students.

**Keywords:** *Teaching Arabic, Arabic Speaking Skills, j-QAF Teachers*

[1] Center for Language Studies  
and Generic Development  
Universiti Malaysia Kelantan  
*kamarulzaman@umk.edu.my*

[2] Padang Temu Primary School,  
Melaka

## PENDAHULUAN

Pada tahun 1997, mata pelajaran Bahasa Arab telah mula diperkenalkan dan diajar secara formal di Sekolah-Sekolah Rendah Kebangsaan yang terpilih sehinggalah program j-QAF pula diperkenalkan. Program j-QAF telah dilaksanakan secara ujikaji dalam projek rintis selama 3 bulan dan berakhir pada Julai 2004. Y.A.B. Perdana Menteri telah bersetuju program ini dilaksanakan mulai tahun 2005 (Kementerian Pelajaran Malaysia 2007). Program j-QAF adalah suatu usaha memperkasakan Pendidikan Islam (melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain yang dilaksanakan di peringkat persekolahan rendah. Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum serta model dan modulnya yang tersendiri. Model Perluasan bahasa Arab bermaksud pelaksanaan mata pelajaran Bahasa Arab diperluaskan kepada semua murid di sekolah-sekolah yang melaksanakan program j-QAF. Matlamat Bahasa Arab Sekolah Kebangsaan seperti yang telah dinyatakan oleh Kementerian pelajaran Malaysia adalah untuk memberikan penekanan kepada empat kemahiran bahasa serta membolehkan murid-murid menggunakan Bahasa Arab dalam penulisan dan percakapan samada di sekolah atau di luar sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia 2004).

## PERNYATAAN MASALAH

Bidang pendidikan Bahasa Arab merupakan salah satu bidang pendidikan penting yang perlu diberi penekanan, perhatian dan tumpuan lebih-lebih lagi setelah Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan program j-QAF ke Sekolah-Sekolah Rendah Kebangsaan yang merangkumi modul perluasan Bahasa Arab komunikasi. Kurangnya perhatian ke atas pendidikan Bahasa Arab oleh pihak-pihak yang berkenaan akan mengundang dan mencetuskan pelbagai kesan negatif ke atas keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran subjek tersebut di sekolah-sekolah (Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral 2004).

Kemahiran lisan atau kemahiran bertutur di dalam Bahasa kedua adalah lebih sukar berbanding kemahiran-kemahiran bahasa yang lain (Bailey 2005). Menurut Zawawi et.al (2011) dalam konteks Bahasa Arab seseorang kanak-kanak yang menguasai kemahiran lisan dengan baik mempunyai kecenderungan untuk memperolehi kemahiran menulis dan membaca dengan baik. Justeru itu kaedah pengajaran yang efektif amat diperlukan semasa mengajar kemahiran bertutur.

Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan di seluruh negara masih kekurangan tenaga-tenaga profesional dan guru-guru pakar berkualiti yang benar-benar mempunyai pengkhususan dan latihan intensif dalam bidang pendidikan dan pengajaran Bahasa Arab. Bagi meneruskan pengajaran, guru-guru yang bukan pengkhususan Bahasa Arab telah diminta untuk mengajar mata pelajaran tersebut (Ishak 1993).

Selain itu, terdapat guru-guru yang mengajar tidak bersungguh-sungguh, sambil lewa dan tidak menunjukkan iltizam dan komitmen yang tinggi terhadap pekerjaan ikhtisas yang sedang mereka ceburi, terdapat guru-guru yang seperti tidak meminati profesion perguruan yang akibatnya mendatangkan kemungkinan guru tersebut dipaksa menjadi guru Bahasa Arab ataupun kerana tiada peluang kerja lain yang lebih diminatinya (Ishak 1993).

Terdapat juga guru-guru yang pada setiap hari apabila mengajar di dalam kelas hanya bercakap seorang diri dengan sekali-sekala menulis di papan hitam. Kaedah "talk and chalk" semata-mata menjemukan pelajar-pelajar kerana tidak menarik, tiada perancangan pengajaran yang rapi, pengajaran tidak tersusun, pengajaran tidak terancang dan tidak bersistematik. Begitu juga tiada usaha guru-guru untuk mempelbagaikan strategi, kaedah dan teknik pengajaran. Kamarul Shukri et.al (2010) mendapati bahawa pelajar yang bermotivasi dan seronok mempelajari Bahasa Arab adalah pelajar yang berasa seronok semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pelbagai kaedah dan teknik.

Pengajaran guru yang sekata dan tidak pelbagai tidak dapat menggiatkan aktiviti yang boleh menajakan pemikiran pelajar, merangsang penglibatan mereka dan minat mereka terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Hal ini memberi kesan yang negatif terhadap pelajar. Pelajar menjadi mengantuk, cepat bosan, berasa Bahasa Arab tidak menarik, tidak bersemangat, lesu dan akan menyebabkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang tidak kondusif (Ismail et.al 2013).

Menurut Zawawi et.al (2011) penggunaan kaedah pengajaran yang hanya berfokus kepada kaedah pengajaran tertentu sahaja akan mengganggu keberkesanan pengajaran kerana setiap kaedah yang digunakan mempunyai kekuatan dan kelemahan. Penggunaan teknik yang pelbagai dalam pengajaran Bahasa Arab akan menyediakan peluang lebih baik untuk pelajar menguasai kemahiran Bahasa Arab.

Mohd Jaafar (2006) menyatakan masalah utama guru dalam pengajaran Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Kebangsaan adalah tahap penguasaan kemahiran bertutur guru sendiri adalah kurang memuaskan dan guru-guru juga kurang pendedahan berkaitan pengajaran berasaskan pendekatan komunikatif. Menurut Nik Rahimi et.al (2010) dapatan kajian pelaksanaan Bahasa Arab j-QAF di Sekolah Kebangsaan menunjukkan kemahiran bertutur adalah kemahiran pertama yang perlu diberi penekanan. Dalam konteks Sekolah Rendah pengajaran bertutur hendaklah ditumpukan kepada pengajaran membezakan bunyi huruf, makhray huruf yang betul dan melafazkan perkataan dengan baik serta bertutur dengan ayat ringkas dan mudah. Namun, kemahiran bertutur dengan ayat ringkas dan mudah masih sukar dikuasai oleh pelajar Sekolah Kebangsaan dan tidak terdapat kecenderungan mereka menggunakannya di luar kelas.


Berdasarkan hakikat dan realiti ini, kajian ini meninjau proses pengajaran Bahasa Arab j-QAF oleh guru-guru j-QAF di sekolah-sekolah rendah kebangsaan dengan memfokuskan kepada aspek pengetahuan guru dan juga aspek pemilihan kaedah pengajaran kemahiran bertutur.

### **Kerangka Konseptual kajian**

Kemahiran bertutur yang menjadi fokus kajian ialah kemahiran bertutur yang diperkenalkan oleh Van Lier (1995). Menurut Van Lier (1995) pengetahuan pengajaran, kaedah pengajaran dan kemahiran bahasa hendaklah dikuasai oleh guru sebagai penyampai kemahiran bertutur. Kajian ini melibatkan pengetahuan guru mengenai kaedah pengajaran bertutur dan pelaksanaan kaedah pengajaran bertutur guru. Teori Van Lier juga menyatakan kemahiran bertutur yang mesti dikuasai oleh pelajar yang terdiri dari tujuh kemahiran melalui pengajaran guru antaranya kemahiran menyebut huruf, tekanan suara dalam perkataan, intonasi dalam ayat dan penggunaan ayat-ayat ringkas dalam perbualan. Model ini juga melihat Bahan Bantu Mengajar menjadi alat bagi pengajaran kemahiran bertutur guru.

Kajian ini menggabungkan teori bertutur Van Lier (1995) dan teori pengajaran berkesan Gage dan Berliner (1992). Menurut Model Gage dan Berliner sesuatu sesi pengajaran yang baik perlu melibatkan kemahiran guru memadankan kaedah mengajar dengan objektif pembelajaran pelajar dan gaya pembelajaran pelajar. Menurut Model ini lagi pembelajaran merupakan aktiviti mental, fizikal dan rohani. Pendekatan yang sistematik perlu dilakukan oleh guru dalam proses perkembangan ilmu pengetahuan melalui perkaedahan pengajaran yang sesuai bagi mewujudkan pembelajaran yang berkesan di dalam bilik darjah (Anuar Ahmad, Siti Haishah Dan Nur Atiqah (2009) ).

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini membahagikan pengajaran kepada beberapa fasa, iaitu sebelum pengajaran, proses pengajaran dan selepas pengajaran yang melibatkan proses penilaian pengajaran kemahiran bertutur berdasarkan model Gage dan Berliner (1995). Manakala Penilaian kemahiran bertutur pula pengkaji menggunakan teori interaksi Van Lier (1995) yang mana pengkaji lebih menumpukan kepada sebutan huruf, sebutan perkataan, penguasaan kosa kata dan bertutur dengan ayat yang senang dan mudah.



Rajah 1. Teori Konseptual kajian Adaptasi dari Teori Interaksi Bertutur Van Lier (1995) dan Model Amalan Pengajaran Berkesan Gage dan Berliner (1992), Zawawi (2008) dan Zarina (2007)

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan pelaksanaan kaedah pengajaran kemahiran bertutur guru j-QAF Bahasa Arab di dalam bilik darjah serta menentukan tahap hubungan pengetahuan dengan pelaksanaan kaedah pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan guru. Bagi mencapai objektif kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif deskriptif berasaskan tinjauan melalui soal selidik sebagai instrumen utama.

Kajian ini menggunakan 113 guru dari kalangan populasi untuk menjadi sampel. Pengambilan sampel ini adalah mengikut pandangan Krejcie dan Morgan (1970) yang menyatakan sampel bagi populasi antara 150 sehingga 160 adalah sebanyak 113 orang guru j-QAF Bahasa Arab sekolah kebangsaan di negeri Melaka meliputi tiga daerah, iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Kaedah Pensampelan yang digunakan ialah pensampelan rawak mudah. Kaedah ini dapat mewakili populasi (Noraini Idris 2010).

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soal selidik yang dibina melalui pengubahsuaian soal-soal selidik yang telah digunakan oleh Maimun Aqsha Lubis (1991), Hamizul (2008) dan Zawawi (2008) dalam kajian mereka. Soal selidik ini mempunyai jawapan yang diberikan dalam skala likert 1-5. Ia dibahagikan kepada 3 bahagian. Bahagian pertama mengandungi soalan-soalan demografi guru. Bahagian kedua adalah berkenaan pengetahuan pengajaran kaedah bertutur bahasa Arab guru-guru j-QAF merangkumi lima komponen pengetahuan kaedah pengajaran, iaitu objektif pengajaran, penyediaan bahan bantu mengajar, set induksi, langkah pengajaran, dan penilaian hasil pembelajaran. Bahagian ini mengandungi 25 item soalan. Bahagian ketiga pula adalah mengenai pelaksanaan lima komponen pengetahuan dalam bahagian kedua di atas. Bahagian ini juga mengandungi 25 soalan.

Setelah mendapat kesahan dalaman dari beberapa orang pakar satu kajian rintis telah dilakukan ke atas 30 orang responden di Daerah Klang untuk melihat kebolehlaksanaannya (Chua 2006). Melalui kajian rintis soal selidik ini diuji kebolehpercayaannya melalui kaedah ukuran kebolehpercayaan Cronbach Alpha. Hasil analisis kebolehpercayaan menunjukkan pekali Alpha Cronbach keseluruhan soal selidik ini ialah 0.975. Secara keseluruhan nilai pekali kebolehpercayaan ini mencukupi. Ini kerana bagi kajian yang mengukur sampel yang kecil, alat kajian dengan koefisien yang besar, iaitu nilai lebih dari 0.85 dianggap mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Mohd Yusri 2010).

Data yang dikumpul dianalisa dalam bentuk kekerapan (frekuensi), peratusan, min dan sisihan piawai. Pakej statistik SPSS versi 18 digunakan untuk menganalisis data mentah yang diperolehi. Statistik inferensi juga digunakan bagi menganalisis dua pemboleh ubah, iaitu hubungan antara dua pemboleh ubah (Norizan Ali et.al 2010). Analisis korelasi digunakan dengan melihat kepada nilai Spearman. Pekali spearman digunakan untuk

menentukan hubungan dua pemboleh ubah di mana skala lebih rendah (atau kedua-duanya) berada pada skala ordinal. (Chua 2009) Korelasi ini bertujuan untuk menentukan perhubungan kedua-dua pemboleh ubah. Aras signifikan  $p < 0.05$  di gunakan dalam kajian ini.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibentangkan mengikut tiga objektif kajian ini, ia sebagaimana berikut:

### a. Tahap pengetahuan guru j-QAF mengenai kaedah pengajaran bertutur Bahasa Arab

Jadual 1 berikut adalah dapatan dari soal selidik berkaitan tahap pengetahuan kaedah pengajaran bertutur dalam kalangan guru Bahasa Arab j-QAF.

Jadual 1

*Kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai untuk setiap item pengetahuan kaedah pengajaran kemahiran bertutur*

ITEM	TS (N) %	KS (N) %	TP (N) %	S (N) %	SS (N) %	Min	SP	Interpretasi Min
(B1) Saya mengetahui objektif kaedah pengajaran tematik kemahiran bertutur	(3) 2.7	(3) 2.7	(10) 8.8	(88) 77.8	(9) 8.0	3.8 6	.705	Sederhana Tinggi
(B2) Saya mengetahui bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan kaedah tematik kemahiran bertutur	(1) 0.90	(1) 0.90	(13) 11.5	(90) 79.6	(8) 7.1	3.9 1	.543	Sederhana Tinggi
(B3) Saya mengetahui set induksi kaedah tematik yang berkesan bagi kemahiran bertutur	(1) 0.90	(2) 1.8	(21) 18.6	(90) 79.6	(8) 7.1	3.8 1	.605	Sederhana Tinggi
(B4) Saya mengetahui langkah-langkah pengajaran kemahiran bertutur kaedah tematik	(1) 0.90	(1) 0.90	(18) 15.9	(86) 76.1	(7) 6.2	3.8 5	.564	Sederhana Tinggi
(B5) Saya mengetahui kaedah penilaian hasil pembelajaran kemahiran bertutur kaedah tematik	(1) 0.90	(1) 0.90	(21) 18.6	(86) 76.1	(4) 3.5	3.8 0	.548	Sederhana Tinggi
(B6) Saya mengetahui objektif pengajaran kemahiran bertutur ajuk hafaz	(0) 0.0	(1) 0.90	(12) 10.6	(85) 75.2	(15) 13.3	4.0 0	.526	Sederhana Tinggi
(B7) Saya mengetahui bahan bantu mengajar kemahiran bertutur kaedah ajuk hafaz	(0) 0.0	(2) 1.8	(13) 11.5	(89) 78.8	(9) 8.0	3.9 2	.512	Sederhana Tinggi
(B8) Saya mengetahui kaedah set induksi kemahiran bertutur ajuk hafaz yang berkesan	(1) 0.90	(1) 0.90	(16) 14.2	(86) 76.1	(9) 8.0	3.8 9	.572	Sederhana Tinggi
(B9) Saya mengetahui langkah-langkah pengajaran ajuk hafaz kemahiran bertutur yang berkesan	(0) 0.00	(2) 1.8	(11) 9.7	(85) 75.2	(15) 13.3	4.0 0	.550	Sederhana Tinggi

(B10) Saya mengetahui kaedah penilaian hasil pembelajaran kaedah bertutur ajuk hafaz	(0) 0.0	(2) 1.8	(14) 12.4	(88) 77.9	(15) 13.3	3.9 2	.519	Sederhana Tinggi
(B11) Saya mengetahui objektif pengajaran bertutur kaedah terus	(0) 0.0	(3) 2.7	(49) 43.4	(54) 47.8	(7) 6.2	3.5 7	.651	Sederhana Tinggi
(B12) Saya mengetahui bahan bantu mengajar kemahiran bertutur kaedah terus	(2) 1.8	(3) 2.7	(53) 46.9	(47) 41.6	(8) 7.1	3.4 9	.745	Sederhana Tinggi
(B13) Saya mengetahui kaedah set induksi kemahiran bertutur kaedah terus	(0) 0.0	(4) 3.5	(47) 41.6	(57) 50.4	(5) 4.4	3.5 5	.640	Sederhana Tinggi
(B14) Saya mengetahui langkah-langkah pengajaran kemahiran bertutur kaedah terus	(0) 0.0	(5) 4.4	(48) 42.5	(53) 46.9	(7) 6.2	3.5 5	.681	Sederhana Tinggi
(B15) Saya mengetahui kaedah penilaian kemahiran bertutur kaedah terus	(0) 0.0	(2) 1.8	(47) 41.6	(58) 51.3	(6) 5.3	3.6 0	.620	Sederhana Tinggi
(B16) Saya mengetahui objektif pengajaran kemahiran bertutur kaedah latihan tubi	(0) 0.0	(1) 0.9	(11) 9.7	(82) 72.6	(19) 16.8	4.0 4	.588	Tinggi
(B17) Saya mengetahui bahan bantu mengajar kemahiran bertutur kaedah latihan tubi	(1) 0.9	(1) 0.9	(6) 5.3	(87) 77.0	(18) 15.9	4.0 6	.571	Tinggi
(B18) Saya mengetahui set induksi yang berkesan bagi kemahiran bertutur kaedah latihan tubi	(0) 0.0	(1) 0.9	(11) 9.7	(83) 73.5	(18) 15.9	4.0 3	.581	Tinggi
(B19) Saya mengetahui langkah-langkah pengajaran kemahiran bertutur kaedah latihan tubi	(0) 0.0	(1) 0.9	(11) 9.7	(83) 73.5	(18) 15.9	4.0 3	.581	Tinggi
(B20) Saya mengetahui penilaian hasil pembelajaran kemahiran bertutur kaedah latihan tubi	(0) 0.0	(1) 0.9	(15) 13.3	(82) 72.6	(15) 13.3	3.9 7	.589	Sederhana Tinggi
(B21) Saya mengetahui objektif pengajaran kemahiran bertutur kaedah eklektik sistematik	(0) 0.0	(1) 0.9	(55) 48.7	(51) 45.1	(3) 2.7	3.5 3	.627	Sederhana Tinggi
(B22) Saya mengetahui bahan bantu mengajar kemahiran bertutur kaedah eklektik sistematik	(1) 0.9	(1) 0.9	(57) 50.4	(51) 45.1	(2) 1.8	3.4 7	.613	Sederhana Tinggi
(B23) Saya mengetahui set induksi kemahiran bertutur kaedah eklektik sistematik	(1) 0.9	(3) 2.7	(56) 49.6	(51) 45.1	(2) 1.8	3.4 4	.625	Sederhana Tinggi

(B24) Saya mengetahui langkah-langkah pengajaran kemahiran bertutur kaedah eklektik sistematik	(1) 0.9	(2) 1.8	(54) 47.8	(52) 46.0	(2) 1.8	3.4 9	.642	Sederhana Tinggi
(B25) Saya mengetahui kaedah penilaian hasil pembelajaran kemahiran bertutur kaedah eklektik sistematik.	(1) 0.9	(2) 1.8	(54) 47.8	(52) 46.0	(4) 3.5	3.4 6	.655	Sederhana Tinggi

Jadual 1 menunjukkan 24 % item atau 5 daripada 25 item pengetahuan kaedah pengajaran kemahiran bertutur Bahasa dimiliki oleh guru j-Qaf Bahasa Arab berada pada tahap tinggi. Item-item tersebut ialah B6, B14, B16, B17 dan B18. Manakala sebanyak 76 % item atau 19 daripada 25 item pula berada pada tahap pengetahuan sederhana tinggi.

Dapatan kajian mendapati pengetahuan guru mengenai kaedah pengajaran latih tubi berada di peringkat tinggi iaitu Min 4.03. Manakala pengetahuan guru mengenai kaedah pengajaran ajuk hafaz berada di nombor dua dengan min sederhana tinggi 3.95. Kemudian pengetahuan kaedah pengajaran bertema atau tematik berada di tempat ketiga dengan min sederhana tinggi 3.85. Bagi pengetahuan kaedah pengajaran terus ia berada di tempat keempat dengan min 3.56 dan akhir sekali bagi kaedah pengajaran eklektik sistematik berada pada min terendah iaitu 3.48. Min keseluruhan pengetahuan guru-guru Bahasa Arab j-QAF mengenai kaedah pengajaran kemahiran bertutur berada pada min sederhana tinggi iaitu Min 3.77.

#### b. Pelaksanaan kaedah pengajaran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan guru j-QAF

Jadual 2 berikut adalah dapatan dari soal selidik berkaitan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan guru j-QAF.

Jadual 2

*Kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai untuk setiap item pelaksanaan kaedah pengajaran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan guru j-QAF*

Item	Tidak Pernah Melaksana (N) %	Jarang Melaksana (N) %	Sederhana Melaksana (N) %	Kerap melaksana (N) %	Sangat Kerap melaksana (N) %	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
(C1) Saya melaksanakan objektif kaedah pengajaran tematik di dalam kemahiran bertutur	(2) 1.8	(6) 5.3	(35) 31.0	(65) 57.5	(5) 4.4	3.58	.741	Sederhana Tinggi
(C2) Saya menggunakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan kaedah tematik bagi kemahiran bertutur	(2) 1.8	(6) 5.3	(37) 32.7	(61) 54.0	(7) 6.2	3.58	.765	Sederhana Tinggi
(C3) Saya menjalankan set induksi kaedah tematik yang	(2) 1.8	(5) 4.4	(43) 38.1	(55) 48.7	(8) 7.1	3.55	.768	Sederhana Tinggi

berkesan bagi kemahiran bertutur (C4) Saya melaksanakan langkah-langkah pengajaran kemahiran bertutur kaedah tematik sebagaimana yang dirancang.	(2)	(1)	(43)	(58)	(9)	3.63	.722	Sederhana Tinggi
	1.8	0.90	38.1	53.1	8.0			
(C5) Saya menilai hasil pembelajaran kemahiran bertutur kaedah tematik selepas pengajaran	(2)	(1)	(42)	(60)	(8)	3.63	.701	Sederhana Tinggi
	1.8	0.90	37.2	53.1	7.1			
(C6) Saya melaksanakan objektif pengajaran kemahiran bertutur ajuk hafaz semasa pengajaran	(1)	(1)	(23)	(75)	(13)	3.87	.648	Sederhana Tinggi
	0.90	0.90	20.4	66.4	11.5			
(C7) Saya menggunakan bahan bantu mengajar kemahiran bertutur kaedah ajuk hafaz dengan berkesan	(1)	(2)	(32)	(67)	(11)	3.75	.688	Sederhana Tinggi
	0.90	1.8	28.3	59.3	9.7			
(C8) Saya menjalankan kaedah set induksi kemahiran bertutur ajuk hafaz	(0)	(5)	(31)	(63)	(14)	3.76	0.73	Sederhana Tinggi
	0.0	4.4	27.4	55.8	12.4		2	
(C9) Saya melaksanakan langkah-langkah pengajaran ajuk hafaz kemahiran bertutur sebagaimana yang dirancang.	(0)	(2)	(27)	(70)	(14)	3.85	.646	Sederhana Tinggi
	0.0	1.8	23.9	61.9	12.4			
(C10) Saya membuat penilaian hasil pembelajaran kaedah bertutur ajuk hafaz selepas pengajaran	(1)	(2)	(27)	(72)	(11)	3.80	.670	Sederhana Tinggi
	0.90	1.8	23.9	63.7	9.7			
(C11) Saya melaksanakan objektif pengajaran bertutur kaedah terus	(0)	(2)	(55)	(45)	(11)	3.58	.691	Sederhana Tinggi
	0.0	1.8	48.7	39.8	9.7			
(C12) Saya menggunakan bahan bantu mengajar kemahiran bertutur kaedah terus	(0)	(4)	(58)	(45)	(6)	3.45	.655	Sederhana Tinggi
	0.0	3.5	51.3	39.8	5.3			
(C13) Saya melaksanakan set induksi berkesan	(0)	(8)	(58)	(45)	(6)	3.39	.687	Sederhana Tinggi
	0.0	7.1	51.3	39.8	5.3			



kemahiran bertutur kaedah terus (C14) Saya menjalankan langkah- langkah pengajaran kemahiran bertutur kaedah terus mengikut perancangan	(0) 0.0	(2) 1.8	(57) 50.4	(45) 39.8	(9) 8.0	3.54	.668	Sederhana Tinggi
(C15) Saya membuat penilaian kemahiran bertutur kaedah terus selepas pengajaran	(0) 0.0	(2) 1.8	(57) 50.4	(45) 39.8	(9) 8.0	3.48	.642	Sederhana Tinggi
(C16) Saya melaksanakan objektif pengajaran kemahiran bertutur kaedah latih tubi	(0) 0.0	(1) 0.9	(19) 16.8	(81) 71.7	(12) 10.6	3.92	.553	Sederhana Tinggi
(C17) Saya menggunakan bahan bantu mengajar kemahiran bertutur kaedah latih tubi yang berkesan	(0) 0.0	(2) 1.8	(21) 18.6	(73) 64.6	(17) 15.0	3.93	.636	Sederhana Tinggi
(C18) Saya menjalankan set induksi yang berkesan bagi kemahiran bertutur kaedah latih tubi	(0) 0.0	(2) 1.8	(25) 22.1	(67) 59.3	(19) 16.8	3.91	.675	Sederhana Tinggi
(C19) Saya melaksanakan langkah-langkah pengajaran kemahiran bertutur kaedah latih tubi sebagaimana yang dirancang	(0) 0.0	(1) 0.9	(14) 12.4	(72) 63.7	(26) 23.0	4.08	.620	Tinggi
(C20) Saya membuat penilaian hasil pembelajaran kemahiran bertutur kaedah latih tubi	(0) 0.0	(1) 0.9	(22) 19.5	(74) 65.5	(16) 14.2	3.92	.642	Sederhana Tinggi
(C21) Saya melaksanakan objektif pengajaran kemahiran bertutur kaedah eklektik sistematik	(1) 0.90	(2) 1.8	(64) 56.6	(41) 36.3	(5) 4.4	3.41	.650	Sederhana Tinggi
(C22) Saya menggunakan bahan bantu mengajar kemahiran bertutur kaedah eklektik sistematik yang berkesan	(1) 0.9	(6) 5.3	(67) 59.3	(34) 30.1	(5) 4.4	3.31	.684	Sederhana Tinggi

(C23) Saya melaksanakan set induksi kemahiran bertutur kaedah eklektik sistematik dengan berkesan	(2) 1.8	(9) 8.0	(70) 61.9	(29) 25.7	(3) 2.7	3.19	.692	Sederhana Tinggi
(C24) Saya menjalankan langkah-langkah pengajaran kemahiran bertutur kaedah eklektik sistematik mengikut perancangan	(1) 0.9	(5) 4.4	(61) 54.0	(40) 35.4	(6) 5.3	3.39	.701	Sederhana Tinggi
(C25) Saya menilai hasil pembelajaran kemahiran bertutur kaedah eklektik sistematik selepas pengajaran.	(2) 1.8	(6) 5.3	(64) 56.6	(36) 31.9	(5) 4.4	3.31	.722	Sederhana Tinggi

Jadual 2 menunjukkan 4% item (1 daripada 25 item pengetahuan kaedah pengajaran) iaitu C19 berada pada tahap tinggi. Sebanyak 94% item (24 daripada 25 item) iaitu pula berada pada tahap penggunaan sederhana tinggi. Item yang berada pada tahap paling tinggi ialah [C19] Min 4.09 ialah "saya menjalankan langkah-langkah kaedah latihan kemahiran bertutur". Bagi item yang mendapat min terendah ialah (C25) iaitu 3.32 iaitu "saya menilai hasil pembelajaran kemahiran bertutur kaedah eklektik sistematik selepas pengajaran".

Dapatan ini juga mendapati semua kaedah pengajaran kemahiran bertutur di peringkat sederhana tinggi iaitu di bawah Min 4.0. Min paling tinggi ialah kaedah latihan iaitu min 3.95. Kemudian kaedah pengajaran ajuk-hafaz di tempat kedua dengan min sederhana tinggi 3.81. Bagi amalan kaedah pengajaran bertema ia berada di tempat ketiga dengan min 3.60. Bagi amalan kaedah pengajaran terus atau semulajadi ia berada di tempat keempat dengan min 3.49 dan akhir sekali bagi kaedah pengajaran eklektik sistematik berada pada min terendah iaitu 3.33.

**c. Hubungan antara tahap pengetahuan guru-guru j-QAF tentang kaedah pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab dengan pelaksanaan kaedah tersebut dalam pengajaran mereka**

Berikut pula jadual hubungan antara tahap pengetahuan guru-guru j-QAF tentang kaedah pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab dengan pelaksanaan kaedah tersebut.

Jadual 3

*Korelasi Spearman Pengetahuan dan Pelaksanaan kaedah Pengajaran*

Pemboleh ubah	Korelasi Spearman	Signifikan	Aras
Pengetahuan kaedah Tematik	0.489	.000**	Sederhana
Pelaksanaan Kaedah Tematik			
Pengetahuan Kaedah Ajuk Hafaz	0.264	.000**	Sangat lemah
Pelaksanaan Kaedah Ajuk Hafaz			
Pengetahuan kaedah terus	0.348	.000**	Lemah
Pelaksanaan kaedah terus			
Pengetahuan Kaedah Pengajaran latihan tubi	0.278	.003**	Sangat Lemah
Pelaksanaan pengajaran latihan tubi			
Kaedah pengajaran eklektik sistematik	0.373	.000**	Lemah
Pelaksanaan pengajaran eklektik sistematik			

Pengetahuan kaedah pengajaran kemahiran bertutur Pelaksanaan Kaedah pengajaran kemahiran bertutur	0.374	0.00**	Lemah
---	-------	--------	-------

\*\*p<0.01

Jadual 3 di atas menunjukkan dari lima pengetahuan kaedah bertutur dan amalan kaedah pengajaran Bahasa Arab hubungan signifikan yang paling kuat adalah antara pengetahuan tematik dan amalan tematik, iaitu dalam perkaitan pembolehubah yang sederhana ( $r=0.489$ ,  $Sig=0.00$ ). Kedua pula ialah wujud hubungan yang signifikan antara pengetahuan kaedah eklektif sistematik dengan amalan pengajaran eklektif sistematik ialah ( $r=0.373$ ) yang dalam perkaitan yang lemah ( $r=0.373$ ,  $Sig=0.00$ ). Pengetahuan kaedah terus dan amalan kaedah terus mempunyai hubungan signifikan yang lemah ( $r=0.348$ ,  $sig =0.00$ ). Pengetahuan kaedah latih tubi dan amalan latih tubi dalam pengajaran kemahiran bertutur mempunyai hubungan yang signifikan yang sangat lemah ( $r=0.278$   $Sig=0.00$ ). Akhir sekali hubungan antara pengetahuan kaedah ajuk hafaz dan amalan kaedah pengajaran ajuk hafaz berada di tahap signifikan sangat lemah ( $r=0.264$   $sig=0.03$ ).

## PERBINCANGAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan pelaksanaan kaedah pengajaran kemahiran bertutur guru j-QAF Bahasa Arab di dalam bilik darjah dalam kalangan guru. Selain itu kajian ini juga ingin menentukan tahap hubungan pengetahuan dengan pelaksanaan kaedah pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan guru j-QAF.

### a. Tahap pengetahuan guru j-QAF mengenai kaedah pengajaran bertutur Bahasa Arab

Dapatan kajian ini melihat tidak terdapat perbezaan yang nyata di antara keempat-empat kaedah pengajaran selain kaedah pengajaran latih tubi kerana ia masih berada di dalam min sederhana tinggi. Ini menunjukkan guru-guru j-QAF mempunyai pengetahuan yang seimbang dalam kelima-lima kaedah pengajaran kemahiran bertutur. Hal ini demikian kerana semua sampel di dalam kajian ini mendapat latihan perguruan dari program yang sama iaitu program KPLI Sekolah Rendah Bahasa Arab j-Qaf yang mempunyai modul kaedah pengajaran Bahasa Arab yang sama semasa guru-guru ini menerima latihan perguruan di institut perguruan (Institut Perguruan Malaysia 2012).

Walaupun kaedah pengajaran bertutur Bahasa Arab adalah banyak namun Kementerian Pelajaran Malaysia lebih menumpukan kepada lima kaedah yang dikaji oleh pengkaji. Justeru, guru-guru j-Qaf Bahasa Arab biasa terdedah dengan lima kaedah ini cuma tahap pengetahuan dan pemahaman sesuatu kaedah itu berbeza. Namun perbezaan itu tidaklah ketara kerana min pengetahuan bagi setiap kaedah tidaklah menunjukkan perbezaan yang amat ketara.

Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Hamizul Mahmud (2008) yang mendapati para guru mempunyai pengetahuan kaedah pengajaran yang hampir sama tahapnya tetapi pemahaman dan amalan kaedah pengajaran guru di dalam bilik darjah yang membezakan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru.

### b. Pelaksanaan kaedah pengajaran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan guru j-QAF

Dapatan kajian menunjukkan amalan kaedah pengajaran kemahiran bertutur guru j-QAF di Melaka secara umumnya berada pada tahap sederhana tinggi dan ini menunjukkan mereka mengamalkan kaedah yang pelbagai dalam pengajaran kemahiran bertutur mereka di dalam kelas dan tidak hanya bergantung pada sesuatu kaedah sahaja. Kajian ini melihat tidak terdapat perbezaan yang nyata antara amalan kelima-lima kaedah pengajaran. Ini menunjukkan guru-guru j-QAF menggunakan kelima-lima kaedah pengajaran di atas secara seimbang. Ini dilihat berbeza dengan amalan pengajaran di SMKA yang dikaji Zawawi Ismail et.al (2011) yang mengenal pasti teknik yang digunakan oleh guru dalam pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab Di SMKA berdasarkan penilaian guru dan pelajar. Beliau mendapati dari persepsi guru lima teknik mendapat tahap tinggi, iaitu teknik soal jawab pada tahap paling tinggi, iaitu sebanyak 89 peratus, kemudian teknik mendengar dan mengulang, korus, prosa dan dialog. Manakala dapatan yang diperoleh dari persepsi murid pula teknik

mendengar dan mengulang mempunyai peratusan yang tertinggi, iaitu sebanyak 69.8% dan teknik kedua yang paling tinggi ialah teknik soal jawab. Teknik-teknik lain mendapat interpretasi min sederhana tinggi sahaja.

Dapatan kajian ini menunjukkan kecenderungan guru untuk menggunakan teknik soal jawab dan teknik dengar dan ulang dalam pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab adalah menyokong dapatan kajian ini kerana teknik dengar dan ulang atau ajuk hafaz mendapat peratusan kedua tertinggi di dalam kajian ini. Ini berbeza dengan kajian di SMKA kerana tahap Bahasa Arab pelajar adalah tinggi berbanding Sekolah Kebangsaan. Justeru, teknik soal jawab adalah amat terhad diamalkan di Sekolah Kebangsaan kerana murid mempunyai kosa kata yang terhad.

**c. Hubungan antara tahap pengetahuan guru-guru j-QAF mengenai kaedah pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab dengan pelaksanaan kaedah tersebut dalam pengajaran mereka**

Secara keseluruhannya tahap pengetahuan kaedah pengajaran bertutur Bahasa Arab guru j-QAF dan juga amalan kaedah pengajaran kemahiran bertutur guru j-QAF berada pada tahap hubungan signifikan yang positif yang lemah ( $r=0.374$ ,  $Sig =0.00$ ). Ini menunjukkan wujud hubungan yang signifikan yang lemah antara pengetahuan dan amalan pengajaran kaedah pengajaran kemahiran bertutur yang lima dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab j-QAF.

Dapatan ini menunjukkan bahawa pengetahuan kaedah pengajaran kemahiran bertutur mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan pengajaran di bilik darjah tetapi di dalam perkaitan yang lemah. Ini menunjukkan amalan kaedah pengajaran bertutur Bahasa Arab di dalam bilik darjah hanya dipengaruhi sedikit sahaja pengetahuan guru mengenai kaedah tersebut. Amalan pelaksanaan kaedah pengajaran juga bergantung kepada minat, kebolehan dan aktiviti yang ingin dijalankan oleh guru.

#### IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian ini menunjukkan dua kaedah paling banyak digunakan ialah kaedah pengajaran latih tubi dan ajuk hafaz yang digunakan bagi pembelajaran Bahasa Kedua dan Bahasa Asing digunakan di dalam pengajaran Bahasa Arab. Kedua-dua kaedah ini memerlukan murid-murid mengingati kosa kata di dalam Bahasa Asing, memahami maksudnya dan kemudian bertutur dengannya (Kamaruddin 1988). Persoalannya berapa lamakah ingatan sesuatu kosakata yang dihafaz jika tidak digunakan akan kekal dalam ingatan murid-murid.

Justeru itu, guru-guru juga perlu mengamalkan juga tiga kaedah yang lain tersebut dengan lebih kerap kerana ia pastinya membantu penguasaan perkataan dengan lebih berkesan. Bagi kaedah terus ia amat penting menganggap pembelajaran sesuatu bahasa asing itu sama dengan pembelajaran bahasa ibunda. Ini bermaksud bahawa murid didedahkan dengan bahasa asing itu supaya mendapat kesan yang optimum. Bahasa sasaran akan digunakan serta merta dan tidak secara langsung murid akan berfikir dalam bahasa yang dipelajari tersebut (Robert Lado 1980).

Bagi kaedah tematik pula mungkin agak baharu dan baru dijalankan pada Pra- Sekolah dan guru-guru masih belum memahami kaedah ini dengan sepenuhnya. Pengajaran bertema juga adalah bermatlamat menambah pengetahuan kanak-kanak dalam menangani kehidupan masa kini dan akan datang. Satu unit tema kecil dapat meliputi pengetahuan konsep yang berkait dengan aspek estetika, kemahiran afektif, kognitif, bahasa, fizikal, dan sosial. Kosa kata pertuturan yang diperolehi adalah lebih dekat dengan kehidupan murid-murid (Rohani et.al 2007).

Bagi kaedah eklektik sistematik pula, pengkaji merasakan guru-guru j-QAF sebenarnya melaksanakan kaedah ini tanpa mereka sedari. Ini disokong oleh dapatan kajian ini yang mana Min bagi setiap kaedah tidak berbeza ketara. Ini menunjukkan mereka menggunakan pelbagai kaedah bagi memastikan pengajaran yang berkesan. Ini kerana kaedah ini amat berkesan menggabungkan selama kebaikan kaedah-kaedah di atas dan menangani kelemahan kaedah-kaedah yang digunakan serta memberikan peluang yang lebih fleksibel dalam pengajaran (Maimun 2009). Kaedah gabungan adalah yang terbaik dalam pengajaran kemahiran bertutur dan guru perlu berani dan kreatif mewujudkan kaedah gabungan yang sesuai dengan tahap dan keperluan murid mereka.

## KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan guru-guru Bahasa Arab j-QAF dalam kelima lima kaedah pengajaran bertutur adalah sederhana tinggi dan amalan kaedah pengajaran juga sederhana tinggi. Ini menunjukkan pengetahuan dan amalan kaedah pengajaran seimbang dan pelbagai dikuasai oleh para guru j-QAF. Murid-murid juga berminat dan menyenangi kaedah pengajaran bertutur yang diamalkan oleh guru j-QAF Bahasa Arab Sekolah Kebangsaan.

Kajian ini merumuskan bahawa bagi memastikan kejayaan Bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan guru-guru hendaklah sentiasa memperbaharui pengetahuan kaedah pengajaran mereka dan sentiasa mempelbagai kaedah pengajaran mengikut aras dan kebolehan murid. Di samping itu, guru-guru Bahasa Arab j-QAF hendaklah mengambil inisiatif menggunakan kreativiti dan ilmu mereka membuat inovasi terhadap kaedah pengajaran kemahiran bertutur supaya ia lebih menarik dan berkesan kepada murid-murid. Walaupun kedudukan Bahasa Arab sebagai Bahasa asing di Sekolah Kebangsaan ia tidak menghalang matapelajaran ini diajar dengan berkesan dan menarik minat murid-murid mengikuti aliran Arab apabila mereka ke sekolah menengah.

## RUJUKAN

- Anuar Ahmad, Siti Haishah, Nur Atiqah (2009). Tahap Keupayaan Guru Sejarah Dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1).
- Bailey, K.M. (2005). *Speaking*. New York: McgrawHill.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: Mcgraw Hill.
- Chua, Y.P. (2009). *Statistik Penyelidikan Lanjutan –Ujian Regresi, Analisis Faktor Dan Analisis SEM*. Malaysia: McGraw-Hill.
- Gage N.L & Berliner D.C. (1992). *Educational Psychology*. Edisi Kelima. New Jersey: Houghton Mifflin Company.
- Hamizul Mahmud. (2008). Satu perbandingan kesan dua kaedah pengajaran bahasa arab antara kaedah nahu terjemah dengan kaedah al-samiyah al-shafawiyah di kalangan pelajar SMKA Maahad hamidiah, Kajang, Selangor. Kertas projek Sarjana Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Mohd. Rejab. (1993). Masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia (Cetakan kedua). Dlm Ismail Ab. Rahman (pnyt). *Pendidikan Islam Malaysia* (hlm. 225-245). Bangi: Penerbit UKM.
- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad, & Azman Che Mat. (2013). Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program j-QAF. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 13(2).
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2004). "Isu dan masalah keberkesanan pelaksanaan kurikulum program j-QAF". Kertas Laporan Projek Rintis Program j-QAF, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, KPM, Kuala Lumpur.
- Kamaruddin Hj Husin. (1998). *Pedagogi Bahasa*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Kamarul Shukri. Mohamad Amin, Nik Mohd Rahimi & Zamri Mahamod. (2010). Hubungan Tahap Motivasi Dengan Strategi pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Terengganu. *Jurnal Teknologi*, 52.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007). *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum Program j-QAF*. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, JAPIM. KPM, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Sukatan Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam.
- Krejcie. R.V and morgan D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychology Measurement*, 30 (3) 607-610.
- Maimun Aqsha Lubis. (2009). Keunggulan Kaedah Elektik Sistematis Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Kepada Pelajar Melayu. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLH)*, 1(2).
- Maimun Aqsha Lubis. (1991). Satu perbandingan kesan dua pengajaran bahasa arab terhadap pencapaian kemahiran bahasa di pusat matrikulasi UIAM. Tesis Sarjana Pendidikan UKM.
- Mohd Jaafar Bin Abdul Latf. (2006). Pendekatan Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Kebangsaan: kajian Di Sekolah-sekolah dalam daerah Hulu Langat, Selangor. Tesis Sarjana pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Yusri Ibrahim. (2010). *Bimbingan Cepat Analisis Data Penyelidikan Untuk Pendidikan & Sains Sosial*. Kuantan: Bandar Ilmu.
- Nik Mohd Rahimi, Mohammad Amin Embi, Abdul Halim Tamuri dan Harun Baharuddin. (2010). Laporan teknikal penyelidikan "Penilaian Kesesuaian pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran Bahasa Arab Model j-Qaf Sekolah Kebangsaan. Geran penyelidikan Fakulti Pendiidkan UKM.
- Noraini Idris. (2010). Pensampelan. Dlm. Noraini Idris (pnyt.) *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Norizan Esa, Nordin Abdul Razak dan Mohd Ali Samsudin. (2010). Analisis Data Kuantitatif. Dlm. Noraini Idris (pnyt.) *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Robert Iado. (1980). *Mengajar bahasa: satu pendekatan saintifik (terjemahan Abdullah hassan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Rohani Abdullah, Nani Menon & Mohd Sharani Ahmad (2007). *Panduan kurikulum Prasekolah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Van Lier, L. (1995). *Introducing Language Awareness*. London: Penguin.
- Zarina Binti Md Yasin. (2007). Amalan Pengajaran Guru Sejarah Sekolah Menengah Di Beberapa Buah Sekolah di Daerah Seremban dan Kesannya Terhadap Pencapaian Pelajar. Kertas Projek Sarjana UKM.
- Zawawi Ismail. (2008). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Kemahiran BerututrBahasa Arab Komunikasi Si Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zawawi Ismail, Abdul Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi & Mohd Ala-Uddin. (2011). Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA Di Malaysia. *Gema Online Journal of Language Studies*, 11(2).